

**KERJASAMA DAN PERKONGSIAN SUMBER
SEBAGAI STRATEGI MENINGKATKAN KUALITI
DALAM BIDANG PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL :
SATU TINJAUAN DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

SAKINAH BINTI HJ IBRAHIM

Laporan projek ini
dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2003

DEDIKASI

*Syukur ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya,
Projek Sarjana ini dapat dilaksanakan dan disiapkan dengan jayanya.
Khas untuk ayahanda bonda tercinta Hj Ibrahim bin Hussein dan Hajjah Che Esah
binti Che Long, serta abang sekeluarga dan kakak sekeluarga yang disayangi dan
dikasih. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga di atas pengorbanan
dan dorongan yang diberikan selama ini. Sehingga Allah
memberi rahmatNya dari dunia hingga akhirat
Wassalam*



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyempurnakan projek sarjana ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pembimbing projek, Pm Dr Hj Sulaiman bin Hj Hassan Pengarah Perhubungan Antarabangsa KUiTTHO di atas segala bimbingan, nasihat serta dorongan yang diberikan sepanjang Projek Sarjana ini dilaksanakan.

Penghargaan juga diberikan kepada En Mohd Izam Ghazali selaku pembimbing kedua yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kearah kejayaan Projek Sarjana ini. Tidak lupa juga kepada Dr Noraini binti Kaprawi dan Encik Mohd Najib bin Mohd Salleh selaku ahli panel VIVA yang telah memberikan cadangan-cadangan yang bernas dalam memantapkan lagi Projek Sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pentadbir, pensyarah-pensyarah dan para pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal semester enam di KUiTTHO kerana telah memberi kerjasama dalam menjayakan Projek Sarjana ini. Juga tidak dilupakan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya kepada rakan-rakan seperjuangan di atas segala bentuk bantuan yang diberikan. Semoga Projek Sarjana ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Insya Allah....

ABSTRAK

Pendidikan Teknik dan Vokasional merupakan satu bidang pendidikan yang memerlukan sumber kewangan yang besar untuk mengendalikan pengajiannya. Walaubagaimanapun, sistem pendidikan ini semakin penting kerana ia adalah penyumbang utama di dalam melahirkan tenaga kerja terlatih untuk negara. Keberkesanan tenaga kerja ini adalah bergantung kepada peningkatan kualiti dalam bidang pendidikannya. Maka pengkaji telah membuat satu kajian yang bertajuk “Kerjasama Dan Perkongsian Sumber Sebagai Strategi Meningkatkan Kualiti Dalam Bidang Pendidikan Teknik Dan Vokasional: Satu Tinjauan Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn”. Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kerjasama dan perkongsian sumber yang merangkumi minat pelajar terhadap aspek-aspek kerjasama program PTV untuk meningkatkan kualiti, tahap penerimaan pelajar terhadap pendekatan kerjasama dan perkongsian sumber dan isu-isu yang terdapat dalam pendekatan kerjasama dan perkongsian sumber. Data dipungut daripada 70 orang responden yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal semester enam dan instrumen kajian menggunakan borang soal selidik dan temubual. Data tersebut dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 11. Skor min digunakan untuk mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap aspek-aspek yang difokuskan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penerimaan pelajar adalah tinggi (skor min = 4.23) terhadap pelaksanaan kerjasama dan perkongsian sumber sebagai strategi meningkatkan kualiti dalam bidang PTV. Melalui kajian ini, satu garis panduan bagi penubuhan pusat kerjasama telah dicadangkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|-------------------|-------------------|
| | HALAMAN JUDUL | i |
| | HALAMAN PENGAKUAN | ii |
| | HALAMAN DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | ISI KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | viii |
| | SENARAI RAJAH | xv |
| | SENARAI SINGKATAN | xvi |
| | SENARAI LAMPIRAN | xvii |

BAHAGIAN SATU

PENGENALAN

| BAB I | PENGENALAN | |
|--------------|----------------------------|---|
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 Penyataan Masalah | 4 |

| | | |
|-------|----------------------------------|----|
| 1.4 | Objektif Kajian | 6 |
| 1.4.1 | Objektif Umum | 6 |
| 1.4.2 | Objektif Khusus | 6 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 7 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.7 | Batasan kajian | 9 |
| 1.8 | Kerangka Konseptual Kajian | 9 |
| 1.9 | Definisi Istilah Dan Operasional | 11 |
| 1.9.1 | Kerjasama | 11 |
| 1.9.2 | Perkongsian | 12 |
| 1.9.3 | Sumber | 12 |
| 1.9.4 | Strategi | 13 |
| 1.9.5 | Kualiti | 13 |

**BAHAGIAN DUA
SOROTAN KAJIAN**

BAB II SOROTAN KAJIAN

| | | |
|-------|--|----|
| 2.1 | Pengenalan | 15 |
| 2.2 | Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Di Malaysia | 16 |
| 2.2.1 | Sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Di Malaysia | 18 |
| 2.2.2 | Pembiayaan Pendidikan Vokasional | 18 |
| 2.2.3 | Kualiti Pendidikan Teknik dan Vokasional | 20 |
| 2.3 | Mewujudkan Kerjasama Institusi Dengan Industri | 21 |
| 2.4 | Program Pengajian Di KUiTTHO | 23 |
| 2.5 | Program Kerjasama KUiTTHO | 25 |

BAHAGIAN TIGA METODOLOGI KAJIAN

BAB III METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|------------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 27 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 28 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel Kajian | 29 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 30 |
| | 3.4.1 Bahagian Soalan Soal Selidik | 31 |
| | 3.4.2 Bahagian Soalan Temubual | 33 |
| 3.5 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 33 |
| 3.6 | Prosedur Kajian | 34 |
| 3.7 | Kaedah Pengumpulan Data | 35 |
| 3.8 | Kaedah Penganalisaan Data | 36 |
| 3.9 | Kajian Rintis | 38 |

BAHAGIAN EMPAT ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

BAB IV ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|--|----|
| 4.1 | Pengenalan | 40 |
| 4.2 | Dapatan Kajian | 42 |
| | 4.2.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden | 42 |
| | 4.2.2 Bahagian B: Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Kerjasama dan Perkongsian Sumber Sebagai Strategi meningkatkan Kualiti | 42 |

| | | |
|-------|---|----|
| | Dalam Bidang PTV | |
| 4.3 | Analisis Bahagian A | 44 |
| 4.3.1 | Jantina | 44 |
| 4.3.2 | Bangsa | 45 |
| 4.3.3 | Umur | 45 |
| 4.3.4 | Taraf Perkahwinan | 46 |
| 4.3.5 | Pencapaian Akademik | 47 |
| 4.4 | Analisis Bahagian B | 48 |
| 4.4.1 | Minat Pelajar Terhadap Kerjasama Program PTV Untuk Meningkatkan Kualiti Pendidikan | 48 |
| 4.4.2 | Pendekatan Kerjasama Dalam Menjalankan Program PTV Untuk Meningkatkan Kualiti Pendidikan | 51 |
| 4.4.3 | Isu-Isu Yang Terdapat Dalam Pendekatan Kerjasama Dan Perkongsian Sumber Untuk Meningkatkan Kualiti Pendidikan | 55 |
| 4.4.4 | Tahap Penerimaan Pelajar Secara Keseluruhan | 60 |
| 4.5 | Temubual | 62 |
| 4.6 | Rumusan Dapatan Kajian | 62 |

BAHAGIAN LIMA

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|--|----|
| 5.1 | Pengenalan | 63 |
| 5.2 | Perbincangan | 65 |
| 5.2.1 | Latar Belakang Responden | 65 |
| 5.2.2 | Tahap Minat Pelajar Terhadap Kerjasama | 65 |

| | | |
|-------|--|----|
| | Program PTV Untuk Meningkatkan Kualiti Pendidikan | |
| 5.2.3 | Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Pendekatan Kerjasama Dan Perkongsian Sumber Sebagai Strategi Meningkatkan Kualiti Pendidikan | 69 |
| 5.2.4 | Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Isu-Isu Yang Terdapat Dalam Pendekatan Ini Sebagai Strategi Meningkatkan Kualiti Pendidikan | 72 |
| 5.3 | Kesimpulan | 75 |
| 5.4 | Cadangan | 76 |
| 5.4.1 | Kementerian Pendidikan Malaysia Dan KUiTTHO | 76 |
| 5.4.2 | Pensyarah | 77 |
| 5.4.3 | Pelajar | 77 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Akan Datang | 77 |
| 5.6 | Penutup | 78 |

BAHAGIAN ENAM

CADANGAN REKABENTUK PRODUK

BAB VI CADANGAN REKABENTUK PRODUK

| | | |
|-------|---|----|
| 6.1 | Pengenalan | 80 |
| 6.2 | Latar Belakang Teori Penghasilan Produk | 81 |
| 6.3 | Objektif Penghasilan Produk | 81 |
| 6.4 | Rekabentuk Produk | 82 |
| 6.4.1 | Bentuk Dan Ciri-ciri Produk | 83 |

| | | |
|-------|------------------------------------|----|
| 6.4.2 | Kronologi Pembinaan Produk | 84 |
| 6.4.3 | Permasalahan Dalam Membina Produk | 85 |
| 6.4.4 | Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk | 86 |
| 6.4.5 | Dokumentasi Produk | 86 |
| 6.5 | Rumusan | 87 |
| | RUJUKAN | 88 |
| | LAMPIRAN | 92 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MULA SURAT |
|------------|---|------------|
| 2.1 | Kursus-Kursus Yang Ditawarkan Di KUiTTHO | 24 |
| 3.1 | Penggunaan Skala Likert | 32 |
| 3.2 | Rumusan Mengikut Skor Julat Bagi Tahap Penerimaan Pelajar | 37 |
| 3.3 | Nilai Alpha Cronbach Untuk Setiap Pembolehubah | 38 |
| 4.1 | Skala Likert | 41 |
| 4.2 | Rumusan Mengikut Skor Julat Bagi Tahap Penerimaan Pelajar | 43 |
| 4.3 | Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Minat Pelajar Terhadap Kerjasama Program PTV | 49 |
| 4.4 | Tahap Minat Pelajar Terhadap Kerjasama Program PTV Mengikut Item | 49 |
| 4.5 | Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Penerimaan Pelajar Terhadap Pendekatan Kerjasama Dalam Menjalankan Program PTV | 52 |
| 4.6 | Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Pendekatan Kerjasama Dalam Menjalankan Program PTV Mengikut Item | 53 |
| 4.7 | Skor Min Dan Sisihan Piawai Pelajar Terhadap Isu-isu Yang Terdapat Di Dalam Pendekatan Kerjasama Dan Perkongsian Sumber | 56 |

| | | |
|------|--|----|
| | Untuk Meningkatkan Kualiti Pendidikan | |
| 4.8 | Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Isu-isu Yang Terdapat Di Dalam Pendekatan Kerjasama Dan Perkongsian Sumber Untuk Meningkatkan Kualiti Pendidikan Mengikut Item | 57 |
| 4.9 | Susunan Isu-Isu Kritikal Mengikut Skor Min | 60 |
| 4.10 | Skor Min Dan Sisihan Piawai Pelajar Secara Keseluruhan | 60 |



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------|--|------------|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 10 |
| 3.1 | Prosedur Kajian Yang Akan Dilakukan | 35 |
| 4.1 | Peratusan Responden Mengikut Jantina | 44 |
| 4.2 | Peratusan Responden Mengikut Bangsa | 45 |
| 4.3 | Peratusan Responden Mengikut Umur | 46 |
| 4.4 | Peratusan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan | 47 |
| 4.5 | Peratusan Responden Mengikut Taraf Pencapaian Terkini (CPA) | 47 |
| 4.6 | Skor Min Minat Pelajar Terhadap Kerjasama Program PTV | 51 |
| 4.7 | Skor Min Penerimaan Pelajar Terhadap Pendekatan Kerjasama Dan Perkongsian Sumber | 55 |
| 4.8 | Skor Min Pelajar Terhadap Isu-isu Yang Terdapat Di Dalam Pendekatan Kerjasama Dan Perkongsian Sumber Untuk Meningkatkan Kualiti Pendidikan | 59 |
| 4.9 | Skor Min Penerimaan Pelajar Keseluruhan | 61 |
| 6.1 | Carta Aliran Kronologi Pembinaan Produk | 84 |

SENARAI SINGKATAN NAMA

| | | |
|---------|---|--|
| KPM | - | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| LAN | - | Akta Lembaga Akreditasi Negara |
| KUITTHO | - | Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn |
| PTV | - | Pendidikan Teknik Dan Vokasional |
| SPSS | - | <i>Statistical Package For Social Sciences</i> |
| IPTS | - | Institusi Pengajian Tinggi Swasta |
| BPTV | - | Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional |
| JPT | - | Jabatan Pendidikan Teknikal |
| ITTHO | - | Institut Teknologi Tun Hussein Onn |
| MLVK | - | Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan |
| SPM | - | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SPMV | - | Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional |
| LJM | - | Lembaga Jurutera Malaysia |
| IPTA | - | Institusi Pengajian Tinggi Awam |
| P&P | - | Pengajaran Dan Pembelajaran |

SENARAI LAMPIRAN

| NO. LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|---------------------|--|-------------------|
| Lampiran A | Soalan Soal Selidik | 92 |
| Lampiran B | Soalan Temubual | 97 |
| Lampiran C | Nilai Alpha Setiap Aspek Bagi Kajian Rintis | 99 |
| Lampiran D | Nilai Alpha Keseluruhan Bagi Kajian Rintis | 103 |
| Lampiran E | Data SPSS Bagi Nilai Frekuensi Dan Peratusan | 106 |
| Lampiran F | Data SPSS Bagi Min Setiap Aspek Dan Min Keseluruhan | 114 |
| Lampiran G | Dapatan Daripada Temubual | 116 |
| Lampiran H | Garis Panduan Bagi Penubuhan Pusat Kerjasama | 117 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Antara matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk menjadikan pendidikan di negara ini “bertaraf dunia” dan pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Ini merupakan satu reformasi bagi menghadapi alaf baru. Reformasi pendidikan ini amat perlu disegerakan kerana segala perubahan yang berlaku di sekeliling kita amat pantas. Kementerian Pendidikan kini telah banyak melaksanakan perubahan. Segala dasar dan perubahan yang diperkenalkan menuntut seluruh warga pendidik memahami, menghayati dan melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Ini bermakna di bahu warga pendidiklah dipertanggungjawabkan tugas berat bagi merealisasikan segala perubahan yang dibawa (Abu Bakar Nordin, 1994).

Oleh hal yang demikian, seluruh warga pendidik di negara ini perlulah peka dengan segala perubahan yang berlaku dan perlu melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan terkini dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah. Mereka juga perlu sanggup menerima perubahan peranan yang bakal

dilaksanakan pada masa hadapan. Persoalan sekarang ialah mengapa kita perlu menjadikan pendidikan Malaysia bertaraf dunia? Apakah selama ini taraf pendidikan kita sudah cukup berkualiti bagi mencapai taraf dunia? Apakah pula kriteria-kriteria kualiti dan penentu-penentu lain yang diperlukan dalam sistem pendidikan untuk menjadikannya bertaraf dunia?

Penggubalan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 (LAN), bagi mengadakan peruntukan-peruntukan khusus untuk menentukan piawaian dan kualiti kursus-kursus pengajian yang dijalankan di institusi-institusi pengajian tinggi swasta dan awan adalah satu bukti kesungguhan Kementerian Pendidikan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Kerajaan juga berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan kualiti MS ISO 9000 dalam sektor perkhidmatan awam. MS ISO 9000 adalah satu standard sistem pengurusan berkualiti, yang dijadikan panduan oleh organisasi untuk meningkatkan proses kerja. Sektor pendidikan juga boleh memperolehi pengiktirafan ini, bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan adalah sentiasa tinggi (Nik Zafri, 1995).

Adalah dirasakan bahawa kepastian tahap kualiti yang tinggi di peringkat persekolahan rendah dan menengah merupakan penentu kesinambungan tahap kualiti yang ingin dicapai di peringkat institusi pengajian tinggi di negara ini. Perkara ini penting ke arah memertabatkan sistem pendidikan negara supaya bertaraf dunia. Oleh hal yang demikian seluruh warga pendidik hendaklah merubah pandangan dan persepsi mereka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku. Mereka juga perlu mempunyai pandangan, visi, wawasan dan berketrampilan bagi menangani cabaran di alaf baru ini. Oleh yang demikian warga pendidik di negara ini wajarlah mempunyai ciri-ciri kecemerlangan, perlu melakukan anjakan paradigma, dan berani mencuba dan melaksanakan pembaharuan-pembaharuan, bagi membolehkan mereka diiktiraf dan menjadikan kualiti pendidikan negara bertaraf dunia.

1.2 Latar Belakang Masalah

Matlamat mewujudkan sistem pendidikan bertaraf dunia dan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini adalah menjadi tanggungjawab semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia. Bertitik-tolak dari inilah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang merupakan sebuah institusi pengajian tinggi menawarkan program pengajian dalam pelbagai bidang kejuruteraan kepada para pelajar. KUiTTHO mengendalikan kursus-kursus dan program di peringkat Pasca Ijazah, Sarjana Muda dan Diploma. Selain dari mata pelajaran teras dalam bidang-bidang masing, unsur-unsur ilmu pendidikan dan kemahiran telah dimasukkan ke dalam kurikulum yang digubal sesuai dengan dasar kewujudan kursus-kursus tersebut (Fa'zah, 2000).

Tujuan Program Pengajian Kejuruteraan ini adalah untuk melahirkan dan melatih tenaga pengajar berkemahiran untuk keperluan di politeknik, Kolej Komuniti dan Sekolah Menengah Teknik. Objektif latihan kemahiran ini pula adalah untuk :

1. Melahirkan pensyarah yang berkemampuan dan berketrampilan dalam bidang-bidang teknikal tertentu.
2. Melahirkan pensyarah yang mahir menguruskan organisasi bengkel dalam satu bidang kemahiran di samping memperolehi Ijazah atau Diploma yang berkaitan.
3. Dapat membantu pelajar mempraktikkan kaedah pembelajaran di bilik kuliah serta aktiviti kemahiran di bengkel berkenaan.

4. Melahirkan pensyarah yang berkemampuan melatih pekerja-pekerja mahir seiring dengan arus pembangunan teknologi dan keperluan industri.

Program pembangunan dan latihan kakitangan tidak pernah diketepikan dalam menentukan KUiTTHO terus mantap dalam aspek akademik dan pengurusan. Menerusi pelbagai program yang diatur dan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keperluan semasa, sama ada untuk jangka masa pendek mahupun panjang mestilah sejajar dengan objektif dan visi yang telah ditetapkan. Bagi mengendalikan serta melaksanakan semua aktiviti dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan professional, kerjasama dan perkongsian sumber penting untuk mencapai matlamat tersebut dengan berkesan.

Kos mencapai kualiti dalam pendidikan bertambah, oleh itu satu kaedah adalah perlu untuk mencapai kualiti yang tinggi tetapi pada kos yang rendah yang mampu oleh kerajaan. Salah satu kaedah yang mungkin dapat dilaksanakan ialah melalui kerjasama dan perkongsian sumber. Sumber ini terdiri daripada sumber modal, alatan, bahan mentah dan tenaga kerja.

1.3 Pernyataan Masalah

Sejajar dengan visi KUiTTHO untuk menjadi pusat pendidikan tinggi bertaraf dunia dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional, KUiTTHO perlu merancang apakah strategi-strategi yang diperlukan untuk meningkatkan lagi kualiti di dalam bidang pendidikan. “Melahir dan melatih ahli teknologi dan professional yang kreatif,

inovatif, kompeten dan bertanggungjawab serta mampu mengaplikasi, meneroka, meneraju teknologi baru melalui pengajaran dan penyelidikan bertaraf dunia yang bertunjangan konsep Tauhid untuk kesejahteraan sejagat”, menjadi misi atau pegangan KUiTTHO selama ini.

Tidak dapat dinafikan untuk menjalankan sesuatu program Pendidikan Teknik dan Vokasional, ia melibatkan sumber modal, sumber manusia dan sumber bahan mentah yang banyak. Peralatan-peralatan yang digunakan seperti mesin dan alatan ujikaji mempunyai harga yang mahal sehingga mencecah ratusan ribu. Bahan mentah juga terpaksa dibeli dalam kuantiti yang banyak untuk mendapatkan harga yang lebih murah. Bahan mentah yang banyak ini memerlukan satu ruang untuk menyimpannya supaya ia selamat untuk digunakan di dalam tempoh yang telah ditetapkan. Program ini juga melibatkan sumber manusia iaitu membabitkan sumber tenaga kerja yang ramai yang secara tidak langsung meningkatkan lagi kos bagi sesuatu program.

Ekoran dari itu, penyelidikan perlu dilakukan untuk mengkaji adakah dengan kerjasama dan perkongsian sumber di dalam menjalankan program PTV merupakan satu strategi yang dapat meningkatkan kualiti dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional. Dengan adanya kerjasama dan perkongsian sumber ini di dalam menjalankan sesuatu program PTV, ia dapat menjimatkan kos seperti kos pembelian bahan mentah, kos pembelian mesin-mesin dan alat ujikaji serta kos penyelenggaraan. Ia juga dapat mengelakkan masalah pembaziran ke atas penggunaan bahan mentah dan penggunaan ruang untuk penyimpanan stok bahan mentah.

Menurut Dato’ Dr. Abdul Shukor, penglibatan industri di dalam pendidikan teknik adalah amat penting dan ia menentukan keberkesanan sistem pendidikan yang dijalankan. Kita sedia maklum PTV memerlukan input kewangan, alatan dan kepakaran

yang tinggi dan konstan supaya wujud 'relevancy' antara pendidikan dan dunia pekerjaan.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar dan pensyarah terhadap pelaksanaan kerjasama dan perkongsian sumber sebagai strategi meningkatkan kualiti dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).

1.4.2 Objektif Khusus

1.4.2.1 Mengenalpasti tahap minat pelajar terhadap aspek-aspek kerjasama dan perkongsian sumber sebagai strategi meningkatkan kualiti dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional.

1.4.2.2 Mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap pendekatan kerjasama dan perkongsian sumber sebagai strategi meningkatkan kualiti dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional.

1.4.2.3 Mengenalpasti isu-isu yang terdapat dalam pendekatan kerjasama dan perkongsian sumber sebagai strategi meningkatkan kualiti Pendidikan Teknik dan Vokasional.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang diutarakan dalam kajian ini. Di antara persoalannya ialah:

- 1.5.1 Sejauh manakah tahap minat pelajar terhadap aspek-aspek kerjasama dan perkongsian sumber sebagai strategi meningkatkan kualiti dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- 1.5.2 Sejauh manakah tahap penerimaan pelajar terhadap pendekatan kerjasama dan perkongsian sumber sebagai strategi meningkatkan kualiti dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- 1.5.3 Apakah isu-isu yang terdapat dalam pendekatan kerjasama dan perkongsian sumber sebagai strategi meningkatkan kualiti dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini diharap dapat menyumbang kepada penyelidik, pihak KUiTTHO, pihak Jabatan Pendidikan Teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga penting untuk peningkatan kualiti kerja bagi penyelia-penyelia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengendalian bengkel atau makmal.

Bagi pihak penyelidik ia membantu di dalam mengenalpasti strategi-strategi yang dicadangkan iaitu kerjasama dan perkongsian sumber untuk meningkatkan kualiti dalam bidang pendidikan di KUiTTHO. Di samping itu juga, penyelidik dapat mendalami dan meningkatkan pengetahuannya dalam bidang pengurusan berkualiti.

Bagi pihak KUiTTHO, hasil kajian ini boleh digunakan bagi mempertingkatkan usaha ke arah pencapaian kualiti pendidikan yang bertaraf dunia. Ia juga boleh digunakan oleh pihak jabatan seperti pengendalian bengkel atau makmal untuk meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan dalam perkhidmatan pendidikan seterusnya melahirkan para graduan yang mempunyai pendidikan bertaraf dunia.

Manakala bagi pihak Jabatan Pendidikan Teknikal Kementerian Malaysia pula, mereka dapat menggunakan kajian ini sebagai panduan untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan negara. Pengurusan bengkel yang berkualiti adalah dengan mewujudkan kursus-kursus kepada kakitangan dan juga dengan perkongsian sumber dari segi tenaga kerja, modal dan sebagainya untuk meningkatkan mutu pengurusan bengkel bagi melahirkan pelajar yang serba boleh.

Selain daripada itu, kajian ini juga penting bagi pengkaji-pengkaji yang akan datang di mana kajian ini akan dijadikan sebagai rujukan mereka. Mungkin mereka akan mengkaji tentang “kepentingan sistem kualiti dalam bidang pendidikan”, “pengurusan sistem pendidikan yang berkualiti” dan lain-lain lagi.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada Program Kejuruteraan Mekanikal di KUiTTHO sahaja. Sampel kajian ini merangkumi semua populasi yang terdiri daripada 70 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal semester enam, sesi 2002/2003. Seramai 2 orang pensyarah telah dikenalpasti dan akan ditemubual bagi menyokong dan menjawab segala soalan yang terdapat dalam kajian ini.

Dapatan daripada kajian ini hanya benar pada masa dan populasi ketika kajian ini dijalankan. Sebarang perubahan selepas daripada kajian ini adalah diluar kawalan pengkaji. Data yang diperolehi adalah bergantung kepada keikhlasan pelajar-pelajar dan pensyarah dalam menjawab soalan soal selidik.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan indikator yang terlibat dalam menjalankan kajian tentang persepsi pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal semester enam di

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin (1994). "Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020".
Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Alyas Mohamad (1996). "Pendidikan Teknikal Di Malaysia Dalam Mencapai Wawasan
2020". Jurnal Akademik Maktab Perguruan Terengganu. Jilid IX
- Doolittle. P.E and Camp. W.G (1999). "Constructivism: The Career And Technical
Education Perspective". Journal of Vocational and Technical Education. 16, 1-15
- Fa'izah Binti Ya'acob (2000). "Tinjauan Ke Atas Perlaksanaan Program Latihan
Kemahiran Untuk Graduan Bakal Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan
Awam Di ITTHO". KUiTTHO: Tesis.
- Hafizah Rina Abas (2002). "Tinjauan Terhadap Perlaksanaan Penilaian Berterusan
dalam Meningkatkan Prestasi Akademik Pelajar Menurut Persepsi Pensyarah
Dan Pelajar Semester 2, Diploma Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson".
KUiTTHO, Batu Pahat Johor
- Ishak Yusuf & Rahmah Ismail (1997). "Pendidikan Di Malaysia :Pembangunan Sumber
Manusia Di Malaysia". Bangi: UKM
- Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kerlinger K.N.C (1970). "Foundation Of Behavioral Research". Fort Worth: Holt, Rinehart & Winstons

Kertas Kerja Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan: Tinjauan Mengenai Cabaran-cabaran Pendidikan Vokasional Di Malaysia, Sumber KPM.

Mohamad Nor Bin Mohamad Taib (2002), "Siri Kolokium: Proses Pembinaan Soal Selidik Kajian Dan Pentadbirannya". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, (18 Ogos).

Mohd Fauzi Bin Bakar (September 2002). "Kemahiran Menilai Maklumat Web: Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Diploma Politeknik Ungku Omar". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.

Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Nik Zafri Bin Abdul Majid (1995). "Sistem Kualiti ISO 9000". 29 Julai 1995. Utusan Malaysia

Oselan K. and Myres M. (1999). "Trying To Improve Communication and Collaboration With Information Technology" Information Technology & People. 12, 1-12

Seri Laila Jasa (2001). "Kerjasama Dan Hubungan Di Antara Institusi Pendidikan". Utusan Malaysia: Mac 2001

Shahril Bin Marzuki (1993). "Pendidikan Di Malaysia". Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Shapiro L, Carrillo J and Velazquez C (2000). "Evaluation Of Collaboration Distance Work At ITESM: Structure And Process". *Journal Of Knowledge Management* 4, 1- 4

Soo Wee Leng dan Juma'ayah Salleh (1997). "Hubungan Industri Dan Pendidikan Vokasional: Isu Dan Strategi. Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik Dan Vokasional UPM Serdang". Selangor 10-11 Mei.

Suhaimy Bin Ahmad (1991). "Hala Tuju PTV: Kajian Ilmiah Terhadap Peluang Akademik Dan Pekerjaan Lulusan Vokasional (Jurusan Kejuruteraan Jentera)". UTM: Tesis.

Tajul Ariffin Bin Nordin (1992). "Pendidikan Dan Wawasan 2020". Kuala Lumpur: Arina Ilmu Sdn. Bhd.

Tajulddin Mohamad (1997). "Mampukah Latihan Menyelesaikan Masalah Kerja?". *Dewan Ekonomi*. (Ogos 25-26)

Uma Sekaran (2000). "Business Research Methodology". United Kingdom: Prentice-Hall, Inc

Wiersma William (1995). "Research Methods In Education". 6th Edition Boston Allyn and Bacon

Yahya Bin Emat (1993). "Pendidikan Teknik & Vokasional Di Malaysia". Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.

Yahya Emat (1993). Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020 : *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. 37, (78), 1-9

Zulkifley Bin Mohamed (1998). "Kaedah Dan Kawalan Kualiti". Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

